

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 14 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 15-100349
Dato' Dr. Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengenai program pembangunan RISDA, khususnya mengenai daya pengeluaran sektor pekebun kecil.
2. 192-100656
Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peluang-peluang perdagangan yang tersedia di bawah BIMP-EAGA.
3. 59-100942
Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai rancangan khusus untuk membantu ibu-ibu tunggal di negara kita.
4. 203-100324
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menggalakkan pelajar-pelajar memilih bidang sains selain daripada perubatan dan farmasi.
5. 187-100795
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pelabuhan laut dalam di negara ini dan sejauh manakah pelabuhan-pelabuhan berkenaan mematuhi peraturan mengikut Kanun Keselamatan Kemudahan Kapal dan Pelabuhan Antarabangsa (International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code) dan bagaimanakah pematuhan terhadap kanun berkenaan membawa faedah kepada negara.

6. 19-100409
Datuk Mohd Zaid Bin Ibrahim [Kota Bharu] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak sanggup untuk menilai semula (review) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sepertimana yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).
7. 149-100259
Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tahap kemajuan rancangan untuk membangunkan Zon Pengeluaran Kekal Makanan di seluruh negara setakat ini.
8. 150-100253
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak prihatin untuk memberi penempatan guru-guru siswazah pendidikan dari IKIP Indonesia ke dalam profesion perguruan sistem persekolahan Malaysia sehingga para graduan merujuk kepada SUHAKAM.
9. 76-100680
Tuan Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah dasar Kementerian bagi memastikan kawasan perkampungan terpencil yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil mendapat pembangunan prasarana seperti jalan raya, air, telefon dan elektrik 24 jam.
10. 211-100696
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kementerian menerima maklumat berkenaan pengimportan bahan-bahan sisa toksid ke Malaysia dari Taiwan serta tindakan awal yang telah diambil. Apakah langkah-langkah bagi memastikan Malaysia tidak menjadi negara pembuangan bahan sisa toksid oleh negara industri lain.
11. 171-100620
Datuk Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Menteri sedar bahawa banyak klinik desa di Sabah yang tidak mempunyai kelengkapan bekalan perubatan dan kakitangan yang mencukupi setaraf dengan keadaan semasa dan apakah cadangan dan tindakan Kementerian untuk mengatasi perkara tersebut.
12. 96-100247
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana usaha dan penajaan Kerajaan menawarkan tajaan kepada pelajar Antarabangsa untuk belajar di IPT tempatan demi mempromosi Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan serta sejauh mana ia berjaya.

13. 173-100161
Datuk Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) konsep pendidikan di sekolah-sekolah, guru sebagai pengajar atau sebagai pemudah cara (facilitator) atau konsep di sekolah-sekolah di Negara kita; dan
 - (b) adakah Kementerian bersetuju bahawa, sistem sekolah yang ketat akan mengeluarkan ahli akademik yang cemerlang tetapi menganggur, yang interaktif berjaya menjana graduan masa hadapan yang kreatif, inovatif dan berdikari.
14. 92-100816
Dr. Rahman Bin Ismail [Gombak] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah maktab-maktab perguruan akan dinaik tarafkan kepada universiti atau kolej universiti kerana maktab-maktab perguruan kini sudah pun memulakan program-program ijazah.
15. 95-100559
Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pinjaman kewangan yang telah diberikan oleh MIDF kepada pengusaha-pengusaha sektor perkilangan dan pembuatan sehingga 31/3/2004. Apakah rancangan dan tindakan berterusan Kementerian untuk meningkatkan lagi daya saing dan keberkesanan pengusaha-pengusaha tersebut.
16. 207-100968
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keberkesanan dasar sustainable forest management, saiz permanent forest, biodiversity di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, pengeluaran sawlogs dan kayu getah.
17. 58-101073
Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh [Gerik] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menggubal satu dasar baru terhadap pelancongan memandangkan suasana pembangunan pelancongan di dalam negara dan minat dari pelancong-pelancong asing itu yang sudah kian berubah.
18. 209-101013
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pampasan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada negara-negara ASEAN yang lain kerana tidak membuka sektor automobil sebagaimana yang diperlukan oleh AFTA.

19. 94-100164
Tuan Markiman Bin Kobiran [Hulu Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil cukai jualan yang dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun 2001 hingga 2004 dan apakah tindakan yang telah diambil bagi mereka yang telah gagal melapor dan ingkar membayar cukai tersebut.
20. 155-100592
Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah status kedudukan rakyat Filipina yang berdaftar sebagai "refugees" mengikut definasi United Nations (UN) yang telah berada di Negeri Sabah sejak tahun 70an lagi dan bilakah mereka ini akan dihantar pulang ke negara asal mereka.
21. 33-100980
Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan penyusunan semula Khazanah Holdings, adakah Kerajaan bercadang menjual semua ekuiti dalam syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan kepada Khazanah. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi pengurangan aset tersebut sekiranya Kerajaan menghadapi masalah membiayai defisit belanjawan.
22. 217-101146
Tuan M. Kulasegaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) bilakah suatu peperiksaan undang-undang peringkat akhir yang sama bagi semua universiti-universiti awam seperti di United Kingdom akan diadakan. Sekiranya tidak, mengapa tidak; dan
 - (b) bilakah peguam-peguam dari Semenanjung Malaysia akan dibenarkan mengamalkan profesion guaman tanpa sebarang sekatan di Sabah dan Sarawak.
23. 205-100504
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat manakah hasrat Kerajaan supaya cadangan YAB. Perdana Menteri kepada semua pemaju perumahan di negara ini membina dan menjual rumah kepada orang ramai.
24. 164-101120
Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan-rancangan terkini Kerajaan untuk mengurangkan bilangan graduan yang menganggur dan menyatakan keberkesanan program-program yang sedia ada.

25. 179-100107
Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dan akan diambil untuk membaiki dan membina asrama-asrama dan bilik darjah di sekolah menengah dan rendah di Sarawak dan Sabah.
26. 139-100007
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria-kriteria mengklasifikasikan golongan miskin di bandar (urban poverty):-
- (a) adakah terdapat perbezaan 'threshold' pendapatan bulanan bagi kawasan bandar jika dibandingkan dengan paras kemiskinan umum (RM 529) dan kemiskinan mutlak (RM 265) yang diguna pakai oleh negara sekian lama; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula paras kemiskinan yang lebih realistik di bandar berdasarkan pendapatan bulanan keluarga.
27. 208-101002
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kesalahan imigresen kategorinya dan kes yang dibawa ke mahkamah dan bagaimanakah cadangan untuk mengatasi kesesakan di kaunter-kaunter seluruh negara dilaksanakan.
28. 216-100160
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi hak penjagaan ibu bapa tidak beragama Islam ekoran keputusan kes Shamala Sathyaseelan vs. Dr. Jayaganesh Mogarajah; dan
 - (b) apakah Kerajaan akan memastikan agama dan kepercayaan bagi setiap penganut tidak dicerobohi oleh undang-undang yang tertentu.
29. 114-100535
Datuk Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah wujud cadangan untuk menukarkan panggilan Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan seperti sebagaimana yang asal. Tidakkah istilah pendidikan ini lebih tepat, wajar dan relevan dengan peranan Kementerian ini.

30. 210-100566
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terakhir dasar tender terbuka yang dijamin oleh Kerajaan dan berapa banyakkah tender dan nilai tender yang dikeluarkan merit pemberiannya dan perbandingan dengan tender tertutup.
31. 207-100970
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah makanan yang diimport dan dikeluarkan dalam negara.
32. 115-100033
Dato' Firdaus Bin Harun [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dan bidang-bidang yang akan diberi tumpuan dalam usaha untuk memupuk dan meningkatkan lagi perpaduan kaum di kalangan rakyat negara ini.
33. 13-100216
Tuan Hashim Bin Jahaya [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada kementerian ada memberikan peruntukan kewangan kepada semua PIBG di sekolah-sekolah di seluruh negara. Jika ada, sila nyatakan jumlah, tujuan dan kesannya.
34. 14-100456
Dato' Badruddin Bin Amiruddin [Jerai] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan akhir-akhir ini banyak kes jenayah berat dan ringan berlaku, berapa banyakkah kes-kes yang melibatkan pendatang asing dan berapa banyak bilangan kes yang dapat diselesaikan.
35. 22-100073
Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan tentang pelaksanaan sistem pengangkutan "rail trans Asia" yang dirancang, jajaran mana yang telah diputuskan dan bila jangkamasa akan dilaksana di Malaysia.
36. 201-100205
Tuan Haji Abdul Fatah Bin Harun [Rantau Panjang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi semula bantuan perkapita kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh negara setelah sekian lama diberhentikan.

37. 136-100400
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan dalam jangka masa yang pendek Kementerian untuk mengatasi masalah menunggu waktu rawatan yang terlalu lama iaitu melebihi satu jam sama ada di hospital ataupun di klinik-klinik seperti yang berlaku di Klinik Bukit Gambir dan Klinik Payamas, Muar.
38. 146-100645
Ir. Hasni Bin Mohamed [Pontian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perancangan dan langkah-langkah persediaan dalam usaha memperkenalkan Kelas Pra Sekolah di Sekolah-sekolah Kebangsaan dari segi modul dan kemudahan pembelajaran agar program tersebut dapat memenuhi matlamat dan objektifnya.
39. 21-100275
Tuan Haji Md. Alwi Bin Che Ahmad [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab-sebab mengapa anggota tentera kita yang mengawal lokasi-lokasi strategik di sepanjang sempadan Singapura – Johor tidak dilengkapi dengan senjata-senjata canggih, malah terlalu terkebelakang jika dibandingkan dengan Singapura.
40. 134-100647
Tuan Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rumah mesra rakyat yang telah dibina mengikut negeri sejak program ini dilancarkan.
41. 40-100611
Datuk Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian supaya tanah-tanah lapang untuk dijadikan padang rekreasi diwartakan di bawah bidang kuasa Setiausaha Kerajaan Negeri seperti mana yang telah disarankan oleh YAB. Perdana Menteri.
42. 191-100226
Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan dan jenis anggota polis yang ditempatkan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan nyatakan nisbah anggota polis kepada populasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan anggota polis di negara ini.
43. 162-100136
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan telah merancang untuk membantu Kerajaan Negeri (Sabah) untuk memperbaiki dan menaik taraf bekalan air di negeri itu yang masih tidak memuaskan.

44. 213-100877
Dato' Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian ke atas Pharmaniaga Berhad yang bertindak tidak mematuhi senarai pembekal yang diberikan Kementerian dalam pengagihan kontrak produk perubatan bernilai RM 190 juta.
45. 177-101033
Tuan Richard Riot Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan Menteriannya bagi sekolah-sekolah yang kecil yang mempunyai bilangan murid kurang dari 150 orang.
46. 72-100462
Tuan Muhamad Shahrom Bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:-
- (a) sejauh mana Malaysia mendapat manfaat daripada Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa (Five Power Defence Agreement - FPDA); dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula penyertaan Malaysia dalam FPDA.
47. 219-100583
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan Universiti Awam dan Universiti Swasta di Sarawak. Adakah Kerajaan berhasrat membina lebih Universiti Awam di Sarawak dan apa langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk tujuan ini.
48. 48-100878
Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada masalah pengangguran siswazah serius pada ketika ini.
49. 146-100652
Ir. Hasni Bin Mohamed [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kementerian untuk menimbang semula agar pembelian Komputer melalui skim kumpulan Wang Simpanan Pekerja dapat dilaksanakan semula dalam usaha mencapai matlamat 'Satu Rumah Satu Komputer' dengan kaedah perlaksanaannya yang lebih teratur.
50. 118-100503
Tuan Idris Bin Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mengawal keadaan ternakan lembu dan kerbau di tepi-tepi jalan yang tidak terkawal.

51. 191-100218
Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu penduduk-penduduk luar bandar membina dan memodenkan rumah ataupun rumah panjang mereka di negara ini.
52. 145-100921
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mendirikan pusat pengurusan toksid atau sisa beracun di negeri Johor, supaya pekilang-pekilang Johor tidak dikenakan kadar perkhidmatan pengurusan toksid yang terlalu tinggi dengan mengurangkan kos pengangkutan.
53. 81-100767
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah Majlis Air Kebangsaan (National Water Council) akan ditubuhkan untuk menyelaraskan bekalan air di setiap negeri dan bilakah PUAS Selangor akan diswastakan kepada SYABAS yang diura-urakan kini.
54. 76-100676
Tuan Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan panel penilaian bagi kes-kes tahanan ISA dan sehingga kini berapakah jumlah tahanan yang dibebaskan melalui jawatankuasa ini.
55. 69-100046
Tuan Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan kes kehilangan bagasi dan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan lagi sistem kendalian bagasi di KLIA.
56. 168-100371
Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah sebuah sekolah menengah di daerah Sinua di kawasan P.182 Pensiangan dapat dilaksanakan memandangkan Kementerian telah meluluskan pembinaannya.
57. 214-100634
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar mengikut universiti yang dihantar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang belajar di universiti-universiti luar negara yang tidak diiktiraf oleh JPA sendiri dan badan-badan profesional yang lain.

58. 73-101043
Dato' Wan Adnan Bin Wan Mamat [Indera Mahkota] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menaikkan semua elaun-elaun yang sedang dinikmati oleh anggota ATM khususnya anggota TLDM. Jika tidak, mengapa.
59. 214-100622
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pensyarah perubatan mengikut jawatan Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah mengikut universiti-universiti awam yang mempunyai fakulti perubatan.
60. 158-100950
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) bilakah pelaksanaan projek naik taraf jalan raya Kg. Suan Lamba, Kinabatangan akan dimulakan; dan
 - (b) langkah-langkah untuk membaik pulih secara jangka pendek dan sementara terhadap jalan raya simpang Kg. Sogo-Sogo ke Penangah, Kinabatangan.
61. 140-100594
Dr. Junaidy Bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah bersepadu dan terancang ke arah mewujudkan petani yang terlatih dengan kemahiran teknik tanaman dan penghasilan terutama dalam peningkatan kualiti hasil-hasil pertanian secara berterusan.
62. 110-100951
Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana bahan-bahan habuk yang disyaki mengandungi toksid dapat masuk ke negara kita dan kemudian bahan-bahan ini dibuang ke kawasan yang terpencil.
63. 68-101054
Dato' Mohd Sarit Bin Yusoh [Temerloh] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
- (a) apakah perkembangan penubuhan Suruhanjaya Air Negara yang pernah diumumkan penubuhannya sebelum ini; dan
 - (b) sejauh manakah suruhanjaya tersebut akan mengambilkira kedudukan air seperti yang tercatat dalam Senarai Negeri seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

64. 160-100687
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah menjalankan program-program kesedaran mengenai kepentingan kukuhkan institusi kekeluargaan dan "parenting skills" khususnya di kalangan rakyat berpendapatan rendah.
- 165-101211
65. **Puan Rosnah Binti Hj. Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah hukuman yang akan dikenakan kepada ibu bapa atau mereka yang gagal menyekolahkan anak mereka.
66. 206-100872
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada beliau bersetuju untuk menggariskan rancangan pengawasan (policing plan) nasional termasuk rancangan tempatan yang melibatkan perundingan, penyertaan dan penglibatan orang ramai dalam proses formulasi, pelaksanaan dan penyeliaan demi memerangi jenayah.
67. 180-101111
Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria-kriteria untuk membina sebuah hospital di negara ini dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital di kawasan parlimen Lubok Antu.
68. 61-100907
Tuan Nasaruddin Bin Hashim [Parit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sudahkah pihak Kerajaan membuat kajian mendalam ke atas sebab-sebab mengapa sekolah kebangsaan masih belum berjaya sepenuhnya untuk menjadi "sekolah perdana" di negara ini dan jika sudah apakah sebab-sebabnya.
69. 212-100737
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah landasan keretapi berpagar di Semenanjung dan berapakah jumlah perbelanjaan untuk setahun bagi setiap landasan yang diberi petugas tersebut.
70. 204-100306
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pentadbirannya berhasrat menerima dan mengguna pakai konsep "gender mainstreaming" sebagai satu staretegi untuk mencapai kesaksamaan gender dalam semua bidang. Jika ya, nyatakan pelaksanaan. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

71. 189-100453
Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) apakah strategi yang paling berkesan bagi mengelakkan para usahawan kecil terutama penjaja mendapatkan pinjaman kewangan daripada ceti haram; dan
 - (b) jumlah firma kewangan yang memberi kemudahan pinjaman kewangan ini dan berapakah faedah yang dikenakan serta tempoh pembayaran balik.
72. 91-100667
Tuan Mohd. Daud Bin Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan senarai projek, tempat dan usahawan yang terlibat dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Kuala Selangor.
73. 100-100362
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang status wang, perkhidmatan untuk bangunan bertingkat di mana hak milik strata belum dikeluarkan. Adakah Kementerian menggubal rang undang-undang baru yang terlibat dengan perkara ini dan 'sinking fund'.
74. 140-100590
Dr. Junaidy Bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah bagi mengenal pasti serta membendung kejadian pembuangan toksid dari negara luar ke Malaysia dari terus berulang.
75. 151-100472
Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggalakkan pembekal perkhidmatan satelit yang kedua untuk memastikan persaingan antara perkhidmatan mutlak yang diberi oleh Astro pada masa ini supaya pengguna boleh menikmati perkhidmatan yang lebih baik.

- 71-101195
76. **Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) mengapakah komponen Sastera tidak diserapkan dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah seperti kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan mata pelajaran Kesusasteraan Tamil Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 diserapkan dalam jadual waktu sekolah.
77. 211-100712
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada terdapat koordinasi di antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan petani yang telah mengerjakan tanah untuk tujuan pertanian akan diberi milik tanah bagi meneruskan kegiatan pertanian mereka dan tidak dihalau seperti petanian di Chendering dan Changkat Kinding, Chemor, Perak.
78. 206-100847
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terbaru 18 kes profil yang telah dihantar oleh BPR ke Kamar Peguam Negara setelah selesai kerja penyiasatan dan jumlah Menteri yang terlibat serta kedudukan terbaru setiap kes berkenaan.
79. 137-100723
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan dan pendekatan yang diambil oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam meningkatkan mutu serta proses pengisytiharan cukai pendapatan bagi kemudahan kepada pembayar cukai.
80. 74-100024
Tuan Ismail Bin Abd Mutalib [Maran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah pengeluaran borang-borang Perumahan Mesra Rakyat diberhentikan dan berapa banyakkah permohonan-permohonan yang telah diluluskan dan jumlahnya.
81. 38-100966
Tuan Ahmad Shabery Bin Cheek [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan masih berhasrat untuk memastikan pemilikan saham ekuiti bumiputera mencapai matlamat 30% menjelang tahun 2010.

82. 163-100173
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pendatang-pendatang asing dan pendatang tanpa izin yang mendapatkan rawatan pesakit luar serta yang dimasukkan ke dalam wad di hospital-hospital di negeri Sabah dan apa pula perbandingan jumlah mereka ini dengan jumlah orang tempatan yang mendapat rawatan di hospital-hospital yang sama.
83. 127-100106
Datuk Mohamad Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa peratus kadar kemudahan asas air, elektrik dan telefon yang masih belum dapat disempurnakan di luar bandar di seluruh negara.
84. 103-100943
Dato' Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekerapan gangguan bekalan air yang berlaku dan juga kualiti air yang begitu rendah di Labuan; dan
 - (b) apakah perancangan dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan masalah bekalan elektrik yang terlalu kerap terputus di Labuan.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004.

2. **Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 1/2004) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** [13 Julai 2004]

DAN

Usul dibuat oleh Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion satu ratus dua puluh ringgit (RM6,134,594,520) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2003, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Menyambung semula perbahasan atas masalah [13 Julai, 2004]

2. (D.R. 12/2004) Rang Undang-undang Agensi Antidadah Bangsa Kebangsaan 2004. Bacaan Kali Yang Kedua

3. 150-100301

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap kewujudan jurang perbezaan pembangunan di antara Wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini juga membuat perakuan tentang hakikat bahawa kemajuan yang begitu jauh di kalangan kesebelas negeri di Semenanjung adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai program oleh Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah dan Lembaga-Lembaga Kemajuan Tanah yang ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala di negeri Sabah yang mempunyai keluasan lebih 70,000 kilometer persegi belum lagi diwujudkan lembaga-lembaga yang serupa. Dengan kesedaran ini maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat resolusi dan ketetapan supaya pihak Kerajaan dapat membuat kajian yang bersesuaian untuk menubuhkan Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak."

4. 214-101053

Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah menyerahkan tugas kepada Jawatankuasa Pemilih bagi mengkaji langkah-langkah terbaik yang perlu diambil oleh Kerajaan untuk menangani gejala salah laku seksual yang semakin menular dalam masyarakat kebelakangan ini."

5. 207-101038

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar pengangkutan dan faktor-faktor yang menyebabkan kesesakan lalu lintas termasuk bilangan kereta yang ideal untuk negara ini."

6. 214-101050

Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah menyerahkan tugas kepada Jawatankuasa Pemilih untuk mengkaji secara mendalam kesan-kesan penggunaan Bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di sekolah-sekolah setelah dua tahun ia dilaksanakan."

7. 173-100167

Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Memandangkan masalah kemalangan jalan raya yang begitu tinggi dan telah menyebabkan kehilangan nyawa dan kebinasaan pengguna jalan raya yang begitu banyak dan kerosakan harta benda yang begitu besar, Dewan ini membincang untuk mengenal pasti dan membuat keputusan untuk menangani masalah ini."

Dewan ini juga membincang agar tindakan secara menyeluruh dari segi pindaan undang-undang, perubahan dasar, latihan pemandu, penguatkuasaan undang-undang dikaji, dirombak dan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

8. 207-101035

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Laporan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat permasalahan, efisiensi dan kredibiliti pasukan polis dibentangkan di Dewan ini sebagai kertas putih untuk dibahas. Dewan ini berpendapat bahawa prosiding dan mesyuarat Suruhanjaya mestilah terbuka termasuk siaran televisyen secara langsung, selaras dengan penjelasan akauntabiliti. Dewan juga memutuskan bahawa semua janji untuk menambah 21,000 rekrut yang berkualiti, emolumen, elaun, kenderaan, stesen dan kemudahan polis haruslah dikotakan."

9. 150-100299

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius tentang kewujudan beribu-ribu graduan yang menganggur. Tambahan pula peluang-peluang pekerjaan di kalangan graduan lebih banyak di wilayah-wilayah yang lebih maju seperti Lembah Kelang berbanding dengan Sabah, Kelantan, Terengganu dan Kelantan. Graduan yang menganggur adalah merupakan suatu masalah ekonomi, sosial dan politik. Oleh itu, Dewan ini mendesak pihak Kerajaan supaya menubuhkan satu Majlis Perunding Pengangguran Graduan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah pengangguran di kalangan graduan pelbagai jurusan."

10. 214-101056
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan secara langsung semua persidangan Parlimen termasuk Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya persidangan ini dapat diikuti oleh setiap lapisan masyarakat, sekali gus membantu meningkatkan lagi penglibatan rakyat dalam merencanakan pembangunan negara. Tindakan ini juga diharapkan dapat merangsang prestasi Ahli-ahli Parlimen ke arah menjadikan Parlimen Malaysia bertaraf dunia."
11. 84-100843
Tan Sri Dato' K. S. Nijhar [Subang] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini memandang serius masalah banjir kilat yang sering berlaku dalam Parlimen Subang dan meminta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh kepada masalah ini."
12. 214-101041
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini akan membincangkan dan bersetuju supaya geran perkapita dan semua bantuan lain disalurkan semula kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) oleh Kerajaan seperti mana yang diamalkan sebelum ini. Kerajaan juga hendaklah membayar semula semua tunggakan geran perkapita semenjak bantuan tersebut dihentikan pada Oktober 2002."
13. 209-101040
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengadakan siaran langsung televisyen sidang Dewan Rakyat sebagai langkah pembaharuan Parlimen dan meningkatkan ketelusan serta tanggungjawab Ahli Berhormat terhadap ucapan dan tugas mereka".

14. 214-101059
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua Ahli Parlimen mengisytiharkan harta pemilikan mereka, suami/isteri, anak-anak dan pemegang amanah setiap dua tahun kepada Parlimen."
15. 206-100884
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini merujuk Bernama dan Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya menyiasat sama ada kedua-duanya telah memesongkan apa yang diperkatakan oleh Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timur di Parlimen pada 9hb Jun 2004 dalam dua laporan utama muka depan di Utusan Malaysia iaitu pada 10hb Jun 2004 di bawah tajuk "Kit Siang persoal negara Islam - Ketua Pembangkang juga pertikaikan mengapa Ketua Kerajaan harus orang Islam" dan pada 11hb Jun 2004 di bawah tajuk "Jangan bermain api" - Kit Siang harus henti persoal Malaysia negara Islam - Hishammuddin," dengan cuba melabelkan YB. Lim Kit Siang sebagai menentang Melayu dan menentang Islam menerusi laporan palsu mereka bahawa beliau mencabar hakikat bahawa orang Islam yang menjadi Perdana Menteri, dan mencadangkan tindakan sewajarnya yang harus diambil terhadap kedua-duanya itu".
16. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil kira Laporan SUHAKAM 2003 dan menggesa SUHAKAM supaya menggandakan usahanya untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia seperti mana yang diniatkan oleh Parlimen sewaktu menggubal Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 2000."
17. 150-100303
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap masalah kos pengangkutan dan logistik di antara Sabah dan dunia luar termasuk ke Semenanjung. Dewan ini juga memperakui bahawa kos pengangkutan yang tinggi ini telah menghindarkan proses perindustrian dan peningkatan sektor pembuatan di Sabah. Dan jika sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan baik maka niat Kerajaan Sabah untuk meningkatkan sektor pembuatan tidak akan tercapai. Oleh itu Dewan ini hendaklah membuat ketetapan meminta Kerajaan untuk menyediakan penyelesaian terhadap masalah tersebut."

18. 96-100270

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan keprihatinan di atas kekeliruan sesetengah rakyat Malaysia yang berbilang kaum di atas kewujudan peraturan yang menghindar penganut agama tertentu menggunakan perkataan seperti Allah, Iman, Wahyu, Rasul, Al-kitab, Doa, Nabi, Injil, Firman, Syukur, Imam dan sebagainya.

Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi meminta Kerajaan menghapuskan kekeliruan tersebut sekali gus memastikan kebebasan beragama terus terpelihara."

19. 150-100297

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius kewujudan kadar insiden kemiskinan yang begitu tinggi di kalangan Orang Asli, Bumiputera Minoriti Sabah dan Sarawak terutama sekali di kalangan petani tradisi di tanah tinggi di Sabah dan Sarawak seperti mana yang diperakui dalam Rancangan Malaysia Ke 8 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke 3 dan juga dalam dokumen Majlis Perunding Ekonomi Negara Kedua (MAPEN 11), dan Rancangan Malaysia Ke 8 ini tidak lama lagi akan berakhir sedangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat tersebut masih lagi tinggi. Dewan ini juga perlu membuat ketetapan supaya perakuan-perakuan dalam MAPEN 11, RRJP 3 dan Rancangan Malaysia Ke 8 dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan."

20. 209-101042

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan memulihkan hak penduduk Kuala Lumpur untuk memilih Datuk Bandar dengan tujuan meningkatkan keberkesanan Kerajaan Tempatan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap kepada penduduk di kawasan berkenaan".

21. 150-100294

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius kewujudan kad pengenalan palsu, surat beranak palsu dan IMM13 palsu serta sindiket-sindiket yang terlibat dalam pemalsuan tersebut. Oleh itu dewan yang mulia ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya siasatan untuk mengkaji bagaimana perkara ini berlaku dan seterusnya untuk mencari penyelesaian ke atas masalah dalam negeri yang telah menghantui Negara kita Malaysia sejak 30 tahun yang lepas."

22. 173-100170

Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Dewan ini membincang dan mengambil ketetapan agar dasar pendidikan dikaji semula supaya boleh mencanai warganegara yang benar-benar "all rounder" (dengan izin) dari segi kerohanian, mental, dan fizikal, berdaya saing, patriotik, berani, jati diri, kreatif dan inovatif, bersifat kemasyarakatan, berbudi tinggi, berkhemah mulia, dan di samping berilmu.

Dewan ini juga membincangkan agar mata pelajaran kerohanian dan kemasyarakatan diberi kepada semua murid tidak kira bangsa dan agama dan dilaksanakan secara formal dan tidak formal, umpamanya 5 minit sebelum kelas bermula tiap-tiap hari.

Harapan kita ialah untuk membentuk murid dan pelajar untuk mempunyai pengertian, perwatakan dan pendirian menjadi warga Negara yang berciri kasih sayang, bertanggungjawab, beramanah, setia kawan dan berbudi tinggi."

23. 214-101046

Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-sekerasnya tindakan Kerajaan BN menyalah gunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan rakyat negara ini tanpa bicara dan tidak selaras dengan semangat penggubalan Akta ini, iaitu untuk membendung kegiatan subversif komunis. Bahkan dalam banyak kes, penahanan ISA lebih dipengaruhi oleh kepentingan politik pemerintah. Dewan ini mendesak supaya Kerajaan BN membebaskan semua tahanan ISA tersebut tanpa syarat atau mendakwa mereka di mahkamah dengan segera."

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 14.7.2004 (Rabu)	1. YB. Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]	1. Pengangguran Siswazah - Penawaran Yang Tak Menepati Keperluan 'KBE' (Knowledge-Based Economy).	1. YB. Menteri Pengajian Tinggi.
2. 14.7.2004 (Rabu)	2. YB. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]	2. Isu-isu Yang Berkaitan Dengan Sekolah Tamil.	2. YB. Menteri Pelajaran.